

JANJI kerajaan Pakatan Harapan menangguk bayaran balik PTPTN dianggap bersifat populisme. - Gambar hiasan



KERAJAAN Pakatan Harapan mempertimbangkan untuk memansuhkan tol. - Gambar hiasan

# Politik populisme kini merebak ke Malaysia

JIKA tahun lalu penulis pernah mengandaikan fenomena politik populisme yang melanda beberapa negara Eropah dan Amerika Syarikat (AS) berpotensi untuk merebak ke negara ini. Nah! ia kini secara rasmi telah tiba ke pesisir Malaysia sejak awal pagi 10 Mei lalu.

Janji seperti memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), bayaran tol, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan penetapan harga minyak yang dinyatakan oleh Pakatan Harapan (PH) pasca Pilihan Raya ke-14 (PRU-14) lalu sememangnya bersifat populist di mata rakyat.

Sebagai ahli akademik, penulis bersetuju bahawa setiap janji yang bakal dilaksanakan akan memberikan impak. Namun, ia memberikan impak besar kepada kewangan negara sekiranya sumber pendapatan negara dimansuhkan.

## Defisit belanjawan

Sehingga artikel ini ditulis, Indeks Kontrak niaga hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMVKLCI) telah merosot sekitar enam peratus berbanding sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Belum ada kenyataan jelas bagaimana kerajaan baharu Malaysia mencadangkan kaedah lebih kreatif dalam menangani cabaran ini. Malaysia mempunyai sumber yang pelbagai seperti hasil bumi, eksport dan cukai. Namun semua ini tidak mencukupi untuk



## Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANNUSI  
ICUMV@UMK.UMY  
 Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia

menampung jumlah perbelanjaan negara yang mencecah RM250 bilion setiap tahun. Pada masa sama, hutang negara pula dikatakan melonjak melebihi RMI trilion.

Maka, kerajaan perlu mencari jalan bagi mengimbangi kekurangan pendapatan yang berlaku. Antaranya dengan mengenakan pelbagai bentuk cukai serta bayaran terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Kebimbangan yang timbul dalam kalangan pakar ekonomi kini ialah bagaimana ingin menampung defisit belanjawan negara yang semakin melebar akibat pembatalan dasar cukai ini? Jika dilihat secara teliti, kebanyakan janji yang dinyatakan banyak mencerminkan ciri-ciri politik populisme.

Istilah politik populisme merujuk kepada satu bentuk gerakan politik yang bersifat menentang kuasa golongan elit dan mementingkan faedah rakyat teramai berbanding kepentingan awam. Dengan memperkenalkan dasar populist kepada rakyat, ia mudah memancing sokongan pengundi. Sejak tahun 2015, banyak pemimpin negara seperti AS, Britain, Austria, India, Itali hinggalah ke negara jiran terdekat Filipina juga berjaya

melahirkan pemimpin negara yang bersifat populist ini.

## Orang muda

Penulis melihat ciri-ciri politik populisme ketika ini ialah ia didominasi oleh golongan muda, kehadirannya sukar dikesan dalam kalangan rakyat, bersifat anti-establishment dan anti-kapitalisme, polisi dan janji yang lebih segar serta memposisikan pengundi. Gabungan janji ini mudah untuk 'dijual' dengan dibantu oleh kuasa media sosial yang sangat berpengaruh ketika ini. Kemenangan PH juga berjaya melakar sejarah baharu dalam politik negara ini. Hentaman kuat tsunami 50 peratus rakyat keluar mengundi berjaya melahirkan ikon politik baharu yang vokal seperti Syed Saddiq (Muar), Prabakaran (Katu), Fahmi Fadzil (Lembah Pantai), Dr. Maseeh Malik (Simpang Kertang) dan lain-lain.

PRU-14 juga mencatatkan Ahli Parlimen Damansara, Tony Pua memperoleh majoriti tertinggi (106,908) manakala calon Pas, Mahiaddin Kassim untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ajil di Terengganu mencatat majoriti terendah empat undi sahaja.

Perlukah kita bimbang dengan politik populisme ini? Jika dilihat apa yang berlaku di AS, pasaran kewangan negara terbahit menerima kesan *knock out* beberapa hari selepas kemenangan calon populist, Donald Trump yang menampilkan pelbagai janji luar

biasa dalam konteks pilihan raya. Perkara sama juga berlaku di Britain dan kini di Malaysia. Kejadian ini berlaku sementara setelah pasaran saham pasaran memaksa maklumat tentang polisi kerajaan baharu yang ditubuhkan.

Penulis melihat asas ekonomi negara tidak dapat bertahan walaupun pasaran saham dan kewangan negara masih bergerak. Cuma, kini politik kerajaan perlu bijak merancang perolehan perolehan yang sahaja wujud. Negara yang wujud kini ialah kerajaan PH masih baharu, tidak berpengalaman dan berorientasi pemangkakan Muktamad kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri rasmi dan memberi sokongan mendua dua kepada pemimpin yang membawa bala ke negara mereka sendiri.

Ada baiknya jika semua wakil rakyat kerajaan baharu ini mempelajari teknik memberi respons kepada pihak media serta 'pengurusan media' yang lebih serius. Ini bagi mengelakkan peristiwa yang berlaku kepada Menteri Besar Johor yang baharu serta Lim Guan Eng yang mengemukakan kenyataan yang tidak wajar dan menimbulkan kritikan umum.

Kini rakyat menuntut nanti peranan PH dan BN kali ini yang berpindah kedudukan kerusi mereka di Parlimen. Terbukti kuasa serta pengaruh politik populisme mampu meliris semula lanskap politik sesebuah negara secara mengejut. Itulah seni dalam politik.